



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

IKLAN JAWATAN KOSONG
KONTRAK (CONTRACT FOR SERVICE)

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (**Keutamaan diberikan kepada kelahiran Negeri Kelantan dan bermastautin di Negeri Kelantan**) yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan dalam Perkhidmatan Awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan seperti yang dinyatakan di bawah :

BIL	NAMA JAWATAN	GREED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF LANTIKAN	GAJI PERMULAAN (RM)
1	PEGAWAI SYARIAH	LS41	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	CONTRACT FOR SERVICE	2,418.00

Syarat Lantikan :

Syarat – syarat lantikan jawatan boleh muat-turun di <https://www.kelantan.gov.my/jawatankosong>

Cara Memohon :

Permohonan jawatan ini hendaklah diisi secara *online* di <https://www.kelantan.gov.my/jawatankosong>

Tarikh Tutup Permohonan : 28 OKTOBER 2021

Umur :

Calon-calon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 58 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

Am :

1. Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat **Lantikan Tetap** dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan **TIDAK LAYAK MEMOHON**.
2. Sebarang pemberitahuan mengenai urusan seterusnya termasuk temuduga akan dimaklumkan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) atau emel. Tiada surat akan dihantar.
3. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **EMPAT (4) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.



SKIM PERKHIDMATAN : PEGAWAI SYARIAH
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GREED : LS41
TARAF JAWATAN : KONTRAK (*CONTRACT FOR SERVICE*)
KEMENTERIAN / JABATAN : PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN

SYARAT LANTIKAN WAJIB

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 58 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN LANTIKAN KE GREED LS41:

Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana Muda Syariah Dan Undang-Undang
Bidang / Kelayakan Khusus : Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

ATAU

Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana Muda
Bidang / Kelayakan Khusus : Ijazah Sarjana Muda Kepujian Syariah atau Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) serta Diploma Lanjutan Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

DAN

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab mengendalikan Mahkamah Syariah di peringkat daerah, bertindak sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah, membuat persediaan '*ground of judgement*' kes-kes rayuan, membuat laporan undang-undang untuk terbitan dalam Jurnal Undang-Undang Syariah dan mengesahkan perakuan permohonan pembahagian harta pusaka di bawah bidang kuasa yang ditetapkan.